



GARIS PANDUAN DANA *APPLIED INNOVATION* (AIF)

**Bahagian Dana
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 4, Blok C4, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya
Tel: 603 - 8885 8367 / 8317 / 8552
E-mel : urusetia.aif@mosti.gov.my**

KRONOLOGI GARIS PANDUAN DANA *APPLIED INNOVATION*

No.	Pindaan	Perihal Pindaan	Tarikh Berkuatkuasa
1.	-	Penerbitan Awal	1 Januari 2021
2.	Para 4: Kategori Pemohon	Tambahan kumpulan pemohon daripada Pemilikan Tunggal/Perkongsian/Perkongsian Lialibiti Terhadap	1 Mac 2021
3.	Para 5.2: Kriteria kelayakan bagi permohonan	Bagi pemohon yang berkolaborasi, bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat persetujuan (<i>Letter of Acceptance</i> (LoA)) atau lain-lain dokumen yang setara).	
4.	Para 10: Skop Pembiayaan	<p><u>Para 10.1: Pentadbiran</u></p> <p>i. Pelantikan <i>Research Officer</i> (RO) dibenarkan bagi pemohon Pemilikan Tunggal/Perkongsian/ Perkongsian Lialibiti Terhadap dan pemohon hendaklah berkolaborasi dengan IPT.</p> <p>ii. Perbelanjaan pengangkutan berkaitan projek dibenarkan tetapi tidak melebihi 10% daripada jumlah dana yang diluluskan oleh MOSTI.</p> <p><u>Para 10.2</u></p> <p>iii. Penerima dana adalah dibenarkan menyalurkan peruntukan kepada rakan kolaborasi untuk item seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.</p>	
5.	Para 6: Proses Permohonan	<u>Pindaan Jadual 1: Kriteria penilaian dana AIF</u>	
6.	Para 8: Hasil Penyelidikan	<p>Pindaan ayat 8.4 berikut:</p> <p>8.4 Pendaftaran sekurang-kurangnya satu (1) harta intelek yang berkaitan dengan skop projek (jika berkaitan).</p> <p>Kepada ayat berikut:</p> <p>8.4 Digalakkan pendaftaran sekurang-kurangnya satu (1) harta intelek yang berkaitan dengan skop projek.</p>	17 Jun 2021
7.	Para 10: Skop Pembiayaan	<p><u>Pindaan item dibiaya</u></p> <p>Loji Perintis: Aktiviti kejuruteraan dan reka bentuk (<i>man-hour</i>) tidak termasuk gaji pekerja di bawah seliaan pemohon</p>	

8.	Para 4: Kategori Permohon	<u>Tambah ayat pada Individu</u> (termasuk golongan belia, wanita (ibu tunggal) dan orang kurang upaya (OKU))	24 September 2021
9.	Para 6: Proses Permohonan	<u>Pindaan pada Jadual 2: Kriteria Penilaian AIF</u>	24 September 2021
10.	Para 9: Kuantum dan Tempoh Pembiayaan	1. <u>Tambah ayat pada Individu</u> (termasuk golongan belia, wanita (ibu tunggal) dan orang kurang upaya (OKU)); 2. Kemaskini jumlah peruntukan bagi kategori Individu daripada RM500,000.00 kepada RM50,000.00	24 September 2021
11.	Objektif	<u>Pindaan Objektif:</u> Cadangan projek di bawah AIF hendaklah berada di TRL 2 sehingga TRL 7	12 Mei 2022
12.	Para 4:Kategori Pemohon	<u>Tambahan Para:</u> 4.1 AIF adalah terbuka kepada: vi. Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS); dan vii. Syarikat Pemula (<i>start-up</i>);	
13.	Para 5: Kriteria Kelayakan	<u>Pindaan Para:</u> 5.1 Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Syarikat Pemula (<i>start-up</i>) yang berasaskan/ berkaitan teknologi dan inovasi perlu mematuhi syarat di bawah bagi permohonan AIF. 5.5.1 Kriteria kelayakan bagi Syarikat Pemula (<i>start-up</i>) adalah seperti berikut: iv. Perniagaan berasaskan/ berkaitan teknologi dan inovasi; dan 5.7 Bagi permohonan daripada syarikat PKS, dana ini ditawarkan secara geran padanan di mana syarikat hendaklah membiayai sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah keseluruhan kos projek.	

14.	Para 6: Proses Permohonan	<u>Pindaan Jadual:</u> Jadual 2: Kriteria Penilaian AIF	12 Mei 2022
15.	Para 8: Hasil Penyelidikan	<u>Tambahan para:</u> 8.3 (ii) Infografik/video dalam Laporan Akhir Projek (EOP)	
16.	Para 20: Pembiayaan Lain oleh Agensi Pembiaya MOSTI	<u>Tambahan Para:</u> 20.1 MOSTI juga menawarkan pelbagai bentuk program pembiayaan/ pelaburan seperti di Lampiran 5.	
17.	Lampiran 3: Senarai Dokumen Sokongan	<u>Tambahan dokumen:</u> <ul style="list-style-type: none"> Borang Pengesahan Ketua Projek (secara digital) 	
18.	Para Objektif	<u>Tambahan Para:</u> <ul style="list-style-type: none"> Dana AIF menawarkan 2 tahap pembiayaan mengikut Tahap Kesiediaan Teknologi (TRL) seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. AIF ii. AIF PLUS Manakala AIF PLUS hendaklah bermula di TRL 7 sehingga ke produk yang telah berjaya dikomersialkan 	20 Jun 2022
19.	Para 6: Syarat Kolaborasi	<u>Tambahan Para:</u> 6.1 Pemohon dana AIF digalakkan berkolaborasi dengan pakar/penyelidik daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta atau Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI) atau Agensi STI (bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat persetujuan (<i>Letter of Acceptance</i> (LoA)) atau lain-lain dokumen yang setara).	

		6.2 Manakala, untuk dana AIF PLUS, pemohon hendaklah berkolaborasi dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam atau Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI) atau Jabatan/Agensi STI (bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat persetujuan (<i>Letter of Acceptance</i> (LoA)) atau lain-lain dokumen yang setara).	
20.	Para 10: Kuantum dan Tempoh Pembiayaan	<u>Pindaan Jadual:</u> Jadual 3: Kuantum dan Tempoh Pembiayaan	
21.	Para 12: Penyaluran Kepada Rakan Kolaborasi	<u>Tambahan Para:</u> Para 12.1 Penerima dana adalah dibenarkan menyalurkan peruntukan kepada rakan kolaborasi bergantung kepada jenis dana AIF seperti yang dinyatakan dalam Jadual 5 dan Jadual 6 <u>Tambahan Jadual:</u> Jadual 5: Skop Pembiayaan Dana AIF yang dibenarkan untuk kolaborasi Jadual 6: Skop Pembiayaan AIF PLUS yang dibenarkan untuk kolaborasi	20 Jun 2022
22.	Para 6: Syarat Kolaborasi	<u>Tambahan Lampiran:</u> <u>Lampiran 3:</u> Senarai Kepakaran Jabatan Dan Agensi Mosti	
23.	Para 8: Penyediaan Kontrak dan Pembayaran Pertama atau Bayaran Berdasarkan Milestone	<u>Pindaan Para</u> 8.1 (v) Dokumen Perjanjian Kontrak atau memadai dengan Surat Setuju Terima (LoA) kerjasama atau setara antara pihak entiti dan kolaborator	26 Ogos 2022
24.	Para 5: Kriteria Kelayakan	<u>Pindaan Para</u> 5.7 Bagi permohonan daripada syarikat PKS, dana ini ditawarkan secara geran padanan di mana syarikat hendaklah	3 Januari 2023

		membayai sekurang-kurangnya 30% (<i>monetary</i> atau <i>in-kind</i>) daripada jumlah keseluruhan kos projek.	
25.	Para 12: Penyaluran Kepada Rakan Kolaborasi	<u>Pindaan Para:</u> <u>Jadual 5: Skop pembiayaan dana AIF yang dibenarkan untuk kolaborasi</u>	
26.	Para 7: Proses Permohonan	<u>Pindaan Para:</u> 7.4.4 Proses penilaian sehingga pemakluman keputusan akan mengambil masa selama 45 hari bekerja selepas penerimaan maklumat lengkap daripada pemohon.	31 Mac 2023
27.	Para 15: Pemilikan dan Penggunaan Peralatan R&D	<u>Tambahan Para:</u> Pemohon hendaklah memaparkan papan tanda/ signage projek. Papan tanda/ <i>signage</i> tersebut perlu mengandungi maklumat berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Logo Kementerian • Entiti • No Rujukan Projek • Tajuk Projek <u>Pindaan Para:</u> 15.2 Peralatan yang dibeli perlu direkodkan dalam sistem repositori Kerajaan iaitu <i>National Scientific Facilities & Equipment</i> (NSFE) dan dikemaskini maklumat peralatan sehingga Tarikh Luput Perjanjian bagi tujuan rekod sahaja.	11 Ogos 2023
28.	Para 2: Penyediaan Kontrak dan Pembayaran Pertama	<u>Pindaan Para:</u> 2.3. Hanya pemohon (individu) dan pegawai yang diberi kuasa daripada Pemilikan Tunggal/ Perkongsian/ Perkongsian Liabiliti Terhad/ Persatuan/ Koperasi/ NGO yang berdaftar/ Syarikat Pemula (start-up)/ Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)/ Institusi Pengajian	30 Ogos 2023

		Tinggi (IPT) Awam dan Swasta/ Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI)/ Agensi STI sahaja berhak menandatangani Perjanjian AIF.	
29.	Para 4: Kategori Pemohon	<p><u>Pindaan Para:</u></p> <p>4.1 AIF terbuka kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Individu (termasuk golongan belia, wanita (ibu tunggal) dan orang kurang upaya (OKU); ii. Pemilikan Tunggal/Perkongsian/Perkongsian Liabiliti Terhad; iii. Persatuan/Koperasi/NGO yang berdaftar; iv. Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS); dan v. Syarikat Pemula (start-up); vi. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta; vii. Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI); dan viii. Agensi Sains, Teknologi dan Inovasi Kerajaan (STI). 	30 Ogos 2023
30.	Para 6: Syarat Kolaborasi	<p><u>Pindaan Para:</u></p> <p>6.2 Permohonan daripada kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta atau Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI) atau Agensi STI digalakkan berkolaborasi dengan persatuan/koperasi/NGO/Syarikat Pemula (start-up)/Syarikat PKS (bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat persetujuan (<i>Letter of Acceptance</i> (LoA)) atau lain-lain dokumen yang setara).</p>	
31.	Para 7: Proses Permohonan	<p><u>Pindaan Lampiran:</u></p> <p>Lampiran 4: Senarai Dokumen</p>	
32.	Para 10: Kuantum dan Tempoh Pembiayaan	<p><u>Pindaan Jadual:</u></p> <p>Jadual 3: Kuantum dan Tempoh Pembiayaan</p>	

MOSTI berhak mengubah Garis Panduan ini pada bila-bila masa tanpa sebarang notis

KANDUNGAN

1.	Pengenalan.....	8
2.	Objektif.....	8
3.	Bidang Keutamaan	9
4.	Kategori Pemohon.....	10
5.	Kriteria Kelayakan.....	11
6.	Syarat Kolaborasi	13
7.	Proses Permohonan.....	14
8.	Penyediaan Kontrak dan Pembayaran Pertama	17
9.	Hasil Penyelidikan.....	18
10.	Kuantum dan Tempoh Pembiayaan	18
11.	Skop Pembiayaan	19
12.	Penyaluran kepada Rakan Kolaborasi.....	24
13.	Pembayaran	25
14.	Pemantauan Projek.....	26
15.	Pemilikan dan Penggunaan Peralatan R&D	28
16.	Harta Intelek (IP).....	28
17.	Insentif Harta Intelek.....	29
18.	Penamatan	32
19.	Penyata Perbelanjaan dan Dana yang Tidak Dibelanjakan	30
20.	<i>MALAYSIAN CODE OF RESPONSIBLE CONDUCT IN RESEARCH</i>	30
21.	Kelulusan Etika, <i>INSTITUTIONAL BIOSAFETY COMMITTEE</i> (IBC) Kelulusan / Pemberitahuan dan Pematuhan kepada Peraturan-peraturan Berkaitan Lain.	31
22.	Pembiayaan Lain oleh MOSTI	31

1. PENGENALAN

Inovasi menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Ia boleh terdiri daripada kombinasi, gabungan atau integrasi teknologi yang membawa kepada inovasi produk, proses, sistem atau perkhidmatan baharu atau penambahbaikan teknologi sedia ada dengan peningkatan nilai atau pengurangan kos yang lebih baik.

Hasil yang dijangka daripada pembiayaan Dana *Applied Innovation* (AIF) ini adalah produk, proses, sistem atau hak Harta Intelek (*Intellectual Property Right*) yang bermanfaat untuk pelanggan, perniagaan dan masyarakat.

Menyedari pentingnya inovasi untuk penjanaan ekonomi (*wealth creation*) dan kesejahteraan sosial, Kerajaan perlu mendorong idea inovasi dalam mewujudkan masyarakat saintifik dan inovatif.

2. OBJEKTIF


Skim Dana AIF bertujuan untuk meningkatkan penyertaan inovator dalam aktiviti inovasi dan mendorong inovasi teknologi produk, proses, sistem atau perkhidmatan baharu yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Dana AIF menawarkan dua (2) tahap pembiayaan mengikut Tahap Kesiediaan Teknologi (TRL) seperti berikut:

- i. **AIF:** Pembiayaan bermula daripada formulasi konsep (TRL 2) dan ke arah pembangunan prototaip inovasi (TRL 7); dan
- ii. **AIF PLUS:** Pembiayaan produk inovasi yang telah terbukti berfungsi (TRL 7) dan sedia dibangunkan untuk kegunaan komersial (TRL 9).

TRL adalah kaedah untuk menentukan kematangan teknologi ketika fasa pemerolehan program yang dibangunkan oleh *National Aeronautics and Space Administration* (NASA) seperti di **Rajah 1**. Cadangan projek di bawah skim dana AIF hendaklah berada di antara **TRL 2** sehingga **TRL 9**. Perincian TRL adalah di Lampiran 1.

Rajah 1: Skop AIF mengikut TRL



3. BIDANG KEUTAMAAN

3.1. Permohonan projek perlu merangkumi Rangka Kerja 10-10 *Science, Technology, Innovation & Economy* (MySTIE) oleh Akademi Sains Malaysia (ASM). Pemacu Sosioekonomi adalah seperti di bawah dan bidang keutamaan adalah seperti di **Lampiran 2**.

- 3.1.1. Tenaga;
- 3.1.2. Pendidikan;
- 3.1.3. Air dan Makanan;
- 3.1.4. Pertanian dan Perhutanan;
- 3.1.5. Alam Sekitar dan Biodiversiti;
- 3.1.6. Bandar Pintar dan Pengangkutan;
- 3.1.7. Perubatan dan Penjagaan Kesihatan;
- 3.1.8. Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan;
- 3.1.9. Perkhidmatan Perniagaan dan kewangan; dan
- 3.1.10. Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu).

4. KATEGORI PEMOHON

4.1. AIF adalah terbuka kepada:

- i. Individu (termasuk golongan belia, wanita (ibu tunggal) dan orang kurang upaya (OKU);
- ii. Pemilikan Tunggal/Perkongsian/Perkongsian Liabiliti Terhad;
- iii. Persatuan/Koperasi/NGO yang berdaftar;
- iv. Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS); dan
- v. Syarikat Pemula (*start-up*);
- vi. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta;
- vii. Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI); dan
- viii. Agensi Sains, Teknologi dan Inovasi Kerajaan (STI).

5. KRITERIA KELAYAKAN

5.1. Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)/ Syarikat Pemilikan Tunggal / Perkongsian / Perkongsian Liabiliti Terhad yang berasaskan / berkaitan teknologi dan inovasi perlu mematuhi syarat berikut:

5.1.1. Perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan Akta Perkongsian 1961; atau

5.1.2. Perniagaan di Sabah dan Sarawak yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan; atau

5.1.3. Perniagaan juga hendaklah berdaftar dengan badan berkanun bagi penyedia perkhidmatan profesional.

5.1.4. Definisi Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berdasarkan Saiz Operasi

Kategori	Perusahaan Kecil	Perusahaan Sederhana
Pembuatan	• Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta;	• Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta; atau

Kategori	Perusahaan Kecil	Perusahaan Sederhana
	<p>atau</p> <ul style="list-style-type: none"> Bilangan pekerja sepenuh masa daripada 5 orang hingga kurang daripada 75 orang. 	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan pekerja sepenuh masa daripada 75 orang hingga tidak melebihi 200 orang.
Perkhidmatan dan Sektor Lain	<ul style="list-style-type: none"> Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta; atau Bilangan pekerja sepenuh masa daripada 5 orang hingga kurang daripada 30 orang. 	<ul style="list-style-type: none"> Jualan tahunan daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta; atau Bilangan pekerja sepenuh masa daripada 30 orang hingga tidak melebihi 75 orang.

Sumber: SME Corporation Malaysia

5.2. Pemohon perlu mematuhi syarat seperti berikut:

- 5.2.1. Pemohon dari kategori persatuan/koperasi/NGO/Syarikat Pemula (*start-up*)/Syarikat PKS hendaklah yang berdaftar/diiktiraf oleh Kerajaan.
- 5.2.2. Pemohon hendaklah menunjukkan bukti kemampuan kewangan untuk menyokong bahagian kos projek yang tidak dibiayai di bawah geran ini. (Contohnya: Penyata Bank tiga (3) bulan terkini)
- 5.2.3. Permohonan daripada individu perlu disertakan dengan surat sokongan daripada pengadil. (Pengadil adalah merujuk kepada badan atau individu yang diberi kuasa).

- 5.3. Definisi Syarikat Pemula (*start-up*): *A technology- or innovation- enabled business at early stage with a scalable business model and a high-growth strategy.*
- 5.3.1. Kriteria kelayakan bagi Syarikat Pemula (*start-up*) adalah seperti berikut:
- i. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - ii. Pemilikan majoriti warganegara Malaysia (>50%);
 - iii. Modal berbayar sekurang-kurangnya RM10,000.00;
 - iv. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) pengarah syarikat;
 - v. Perniagaan berasaskan teknologi/ berkaitan teknologi dan inovasi; dan
 - vi. Operasi syarikat tidak melebihi 5 tahun.
- 5.4. Bagi Syarikat PKS atau Syarikat pemula (*start-up*), yang pemilikan tidak mencapai majoriti warganegara Malaysia (<50%), syarat-syarat tambahan berikut hendaklah dipatuhi, iaitu:
- i. Pemohon mempunyai kelayakan minima dari segi pembuktian konsep (*proof of concept*, POC) atau prototaip yang telah berfungsi (*working prototype*),
 - ii. Syarikat beroperasi di Malaysia; dan
 - iii. Sekurang-kurangnya 70% pekerja adalah warganegara Malaysia.
- 5.5. Bagi permohonan daripada Syarikat PKS, dana ini ditawarkan secara geran padanan di mana syarikat hendaklah membiayai sekurang-kurangnya 30% (*monetary* atau *in-kind*) daripada jumlah keseluruhan kos projek.
- 5.6. Semua pemohon hendaklah berdaftar di Malaysia.
- 5.7. Hanya warganegara Malaysia boleh memohon dan mengetuai projek yang dimohon. Bagi bukan warganegara Malaysia daripada mana-mana organisasi antarabangsa atau ekspatriat boleh menyertai projek sebagai ahli pasukan projek.
- 5.8. Pengarah syarikat atau anggota pasukan projek tidak pernah disabitkan atas kegiatan penipuan atau syarikat diisytihar muflis, atau dalam pembubaran atau di bawah *receivership*.

- 5.9. Ketua Projek hanya dibenarkan mengetuai satu projek sahaja di bawah kelulusan MOSTI pada satu masa.
- 5.10. Pasukan projek harus terdiri daripada ahli yang berkeelayakan dan cekap dalam aspek teknikal bagi keseluruhan projek. Setiap ahli pasukan hendaklah menyediakan resume (*curriculum vitae*) yang jelas mengenai bidang penyelidikan, pengalaman dan kejayaan yang telah dicapai.
- 5.11. Jika ahli projek adalah daripada institusi yang berlainan, surat kebenaran daripada ketua jabatan hendaklah dikemukakan.
- 5.12. Pemohon dibenarkan mengemukakan beberapa permohonan bagi projek-projek yang berbeza dengan syarat pemohon mempunyai kemampuan dari segi sumber manusia dan kewangan yang kukuh.
- 5.13. Projek mesti dilaksanakan di Malaysia.
- 5.14. Ketua Projek perlu memaklumkan kepada pihak MOSTI sekiranya telah menerima dana daripada pihak-pihak yang lain bagi projek yang sama.
- 5.15. Permohonan yang tidak layak memohon:
 - 5.15.1. Cadangan projek yang sama dengan projek yang sebelum ini diluluskan dan disiapkan.
 - 5.15.2. Permohonan projek yang berkaitan dengan penguatkuasaan keselamatan dan pertahanan (polis dan tentera) tidak akan dibiaya di bawah skim ini.


6. SYARAT KOLABORASI

- 6.1. Permohonan daripada kategori persatuan/koperasi/NGO/Syarikat Pemula (*start-up*)/Syarikat PKS **digalakkan berkolaborasi** dengan pakar/penyelidik daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta atau Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI) atau Agensi STI (bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat persetujuan (*Letter of Acceptance* (LoA)) atau lain-lain dokumen yang setara).
- 6.2. Permohonan daripada kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta atau Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI) atau Agensi STI **digalakkan berkolaborasi** dengan persatuan/koperasi/NGO/Syarikat Pemula (*start-up*)/Syarikat PKS (bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat persetujuan (*Letter of Acceptance* (LoA)) atau lain-lain dokumen yang setara).
- 6.3. Manakala, untuk dana **AIF PLUS (TRL 7-9)**, permohonan daripada **kategori individu/persatuan/koperasi/NGO/Syarikat Pemula (*start-up*)/ Syarikat PKS hendaklah berkolaborasi** dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam atau Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI) atau Jabatan/Agensi STI (bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat persetujuan (*Letter of Acceptance* (LoA)) atau lain-lain dokumen yang setara). Senarai bidang kepakaran dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan dan Agensi MOSTI adalah seperti di **Lampiran 3**.

7. PROSES PERMOHONAN

7.1. Terdapat tiga (3) peringkat untuk permohonan AIF seperti ditunjukkan dalam **Rajah 2**:

Rajah 2: Peringkat Proses Permohonan



7.2. Peringkat 1: Permohonan

7.1.1. Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan berserta dokumen sokongan seperti di **Lampiran 4** melalui **<https://sdb.mosti.gov.my/sdbcms/en/>** dalam tempoh masa yang ditetapkan.

7.1.2. Pemohon hendaklah mengisytiharkan bahawa permohonan projek yang dikemukakan tidak pernah dibiayai oleh mana-mana pihak pembiaya.

7.1.3. Permohonan yang dihantar akan disemak oleh MOSTI bagi memastikan permohonan dan dokumen yang dikemukakan adalah lengkap dan memenuhi kelayakan asas permohonan AIF. Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon.

7.2. Peringkat 2: Penilaian

7.2.1. Permohonan yang lengkap akan diteliti oleh Jawatankuasa Penilaian Dana (JPD) berdasarkan kriteria seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2 : Kriteria penilaian AIF


Skim Dana (AIF)	Kriteria Pemarkahan			
	Teknikal	Komersial	Impak (Sosial/Ekonomi/ Alam Sekitar)	Kewangan dan Pengurusan
TRL 2 - 9	<p>i.Latar belakang masalah</p> <p>ii.Justifikasi keperluan kepada inovasi ini</p> <p>iii.Penerangan inovasi/ daya cipta teknologi/model/ proses yang praktikal</p> <p>iv.Kebolehlaksanaan Projek</p> <p>v.Aktiviti pembangunan inovasi dan kesesuaian perancangan (<i>milestone</i>)</p>	<p>i.Permintaan dan potensi pasaran (keperluan, saiz, pertumbuhan, sasaran, <i>niche, penetration</i>)</p> <p>ii.Strategi Pasaran/Model Perniagaan (Rangkaian dan Perancangan)</p>	<p>Impak Sosial</p> <p>i.Mampu dimiliki oleh masyarakat</p> <p>ii.Mewujudkan pekerja mahir dan berpengetahuan</p> <p>iii.Penyelesaian kepada permasalahan (keperluan kepada pengguna, industri dan negara)</p> <p>iv.Peningkatan taraf hidup</p> <p>v.Sumbangan terhadap kesejahteraan masyarakat</p> <p>Impak Ekonomi (jika ada)</p> <p>i.Sedia untuk dipasarkan</p> <p>ii.Pengurangan kos</p> <p>iii.Berpotensi untuk dieksport</p> <p>iv.Meningkatkan produktiviti dan kualiti produk/ perkhidmatan</p> <p>Impak Alam Sekitar (jika ada)</p> <p>i. Mesra alam sekitar</p>	<p>i.Pengalaman ketua projek dan ahli projek</p> <p>ii.Keberkesanan kos (<i>Cost Effectiveness</i>)</p> <p>iii.Jaringan Kolaborasi</p>

- 7.2.2. Pemohon akan dijemput untuk membentangkan cadangan projek kepada JPD. Sekiranya perlu, pemohon akan diminta untuk meminda atau menyemak semula kertas kerja projek bagi tujuan penambahbaikan. Proses pertimbangan wajar (*due diligence*) akan dilakukan selepas proses penilaian untuk tujuan pengesahan (jika perlu)
- 7.2.3. Keputusan dan syor JPD akan dibentangkan kepada Jawatankuasa di peringkat MOSTI.

7.3. Peringkat 3: Pemakluman Keputusan

- 7.3.1. Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui sistem SDB atau e-mel.
- 7.3.2. Pemohon yang berjaya perlu mengemukakan maklum balas penerimaan atau penolakan tawaran melalui sistem SDB atau e-mel.
- 7.3.3. Keputusan jawatankuasa di peringkat MOSTI adalah **MUKTAMAD**.
- 7.3.4. Proses penilaian sehingga pemakluman keputusan akan mengambil masa selama **45 hari bekerja selepas penerimaan maklumat lengkap** daripada pemohon. Aliran proses kerja adalah seperti **Rajah 3**.

Rajah 3 : Aliran proses kerja



8. PENYEDIAAN KONTRAK DAN PEMBAYARAN PERTAMA

- 8.1. Pemohon yang berjaya perlu mengemukakan dokumen berikut selepas menerima surat tawaran daripada MOSTI.
 - i. Surat Penerimaan Tawaran;
 - ii. Salinan maklumat bank (pemohon dikehendaki mewujudkan akaun bank khas bagi tujuan pelaksanaan projek);
 - iii. Salinan pendaftaran e-vendor dengan maklumat bank khas; (jika berkenaan);
 - iv. Perincian *milestones* dengan peruntukan yang diluluskan; dan
 - v. Dokumen Perjanjian Kontrak atau memadai dengan Surat Setuju Terima (LoA) kerjasama atau setara antara pihak entiti dan kolaborator
- 8.2. Penerima dana akan dijemput ke sesi perbincangan perincian *milestones* berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan oleh MOSTI.
- 8.3. Hanya pemohon (individu) dan pegawai yang diberi kuasa daripada Pemilikan Tunggal/ Perkongsian/ Perkongsian Liabiliti Terhad/ Persatuan/ Koperasi/ NGO yang berdaftar/ Syarikat Pemula (*start-up*)/ Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)/ Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta/ Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI)/ Agensi STI sahaja berhak menandatangani Perjanjian AIF.
- 8.4. Perjanjian akan ditandatangani oleh pengurusan atasan MOSTI dan akan dikembalikan kepada penerima dana untuk dimatikan setem.
- 8.5. Proses pembayaran pertama kepada penerima dana akan dilaksanakan apabila MOSTI menerima perjanjian yang telah dimatikan setem.

9. HASIL PENYELIDIKAN

- 9.1. Hasil yang dijangka dalam pembiayaan ini adalah inovasi produk, proses, sistem atau harta intelek yang bermanfaat untuk pelanggan, perniagaan dan masyarakat.
- 9.2. Hasil penyelidikan projek yang dicadangkan hendaklah berkaitan dengan objektif projek dengan memberikan kaedah yang tepat untuk mengesan / mengukur kejayaan projek.
- 9.3. Projek di bawah AIF hendaklah:
- i. digalakkan pendaftaran sekurang-kurangnya satu (1) harta intelek yang berkaitan dengan skop projek; dan
 - ii. menghasilkan infografik/ video dalam Laporan Akhir Projek (EOP)

10. KUANTUM DAN TEMPOH PEMBIAYAAN

- 10.1. MOSTI akan membiayai peruntukan projek berdasarkan di **Jadual 3**.

Jadual 3: Kuantum dan Tempoh Pembiayaan

KATEGORI	KAEDAH PEMBIAYAAN	PERUNTUKAN (RM)	TEMPOH (BULAN)
Persatuan/Koperasi/ NGO yang berdaftar, Syarikat Pemula (<i>start-up</i>), Pemilikan Tunggal/Perkongsian/ Perkongsian Liabiliti Terhad, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta/ Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI)/ Agensi STI	Pembiayaan penuh	Maksimum 500,000.00	12 - 18 bulan
Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS);	Secara padanan (30% sumbangan daripada industri)		
Individu (termasuk golongan belia, wanita (ibu tunggal) dan orang kurang upaya (OKU)	Pembiayaan penuh	Maksimum 50,000.00	
Individu di bawah pembiayaan AIF PLUS (termasuk golongan belia, wanita (ibu tunggal) dan orang kurang upaya (OKU)		Maksimum 500,000.00 (AIF PLUS)	

11. SKOP PEMBIAYAAN

11.1. Skop pembiayaan untuk AIF adalah seperti di **Jadual 4**:

Jadual 4: Skop Pembiayaan untuk AIF

SKOP	DIBIYAI OLEH MOSTI	TIDAK DIBIYAI OLEH MOSTI	NOTA
G01: Loji perintis /prototaip	<ul style="list-style-type: none"> Peralatan dan infrastruktur sokongan yang berkaitan langsung dengan <i>loji perintis</i> atau <i>up-scaling</i> prototaip Aktiviti kejuruteraan dan reka bentuk (<i>man-hour</i>) tidak termasuk gaji pekerja di bawah seliaan pemohon Penyewaan / Pembaikan kecil peralatan 	<ul style="list-style-type: none"> Aset modal seperti tanah, bangunan, kenderaan dan perabot Penyewaan ruang, tanah, bangunan Peralatan makmal Penyelenggaraan peralatan Komputer peribadi, komputer riba, pencetak, pengimbas, <i>toner</i>, dll. 	<ul style="list-style-type: none"> Jika berkenaan Tidak lebih daripada 40% dana yang diluluskan oleh MOSTI
G02: Ujian pra-klinikal / ujian klinikal / ujian bukan klinikal / ujian lapangan / ujian tekanan / ujian penerimaan pengguna	<ul style="list-style-type: none"> Ujian saringan Ujian sampel Bayaran untuk sukarelawan / subjek Analisis data (<i>man-hour</i>) - 20% dari jumlah yang diluluskan 	<ul style="list-style-type: none"> Kos <i>overhead</i> (bil dsb.) Sewaan kemudahan 	<ul style="list-style-type: none"> Jika berkenaan
G03: Harta Intelek (IP)	<ul style="list-style-type: none"> Untuk pendaftaran di Malaysia sahaja, termasuk perkhidmatan penggubalan IP yang dihasilkan dari projek <ul style="list-style-type: none"> i) Paten ii) Reka Bentuk Perindustrian Insentif IP 	<ul style="list-style-type: none"> Penyelenggaraan Perjanjian Kerjasama Paten (PCT) 	<ul style="list-style-type: none"> Jika berkenaan

SKOP	DIBIYAI OLEH MOSTI	TIDAK DIBIYAI OLEH MOSTI	NOTA
G04: Kajian dan penilaian pasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Kos pembangunan sampel/ sampel pasaran • Analisis data (<i>man-hour</i>) • Pengesahan pasaran berharga sehingga RM15,000 • Pembayaran untuk pembanci (caj / sampel) 	<ul style="list-style-type: none"> • Insentif untuk responden • Bayaran kemudahan sewa dan pameran 	<ul style="list-style-type: none"> • Jika berkenaan • Tidak melebihi 10% daripada dana yang diluluskan oleh MOSTI • Saiz sampel hendaklah mengikut standard statistik
G05: Pematuhan peraturan dan piawaian	<ul style="list-style-type: none"> • Pendaftaran pensijilan • Pematuhan standard (tempatan / antarabangsa) • Ujian produk untuk pensijilan • GMP, HALAL dan HACCP 	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan 	<ul style="list-style-type: none"> • Jika berkenaan
G06: Perkhidmatan ikhtisas dan khas	<ul style="list-style-type: none"> • Konsultasi (perjanjian / surat niat mesti diserahkan bersama dengan cadangan projek, perincian konsultasi yang dinyatakan) • Perunding untuk ujian dan penilaian pasaran • Bayaran yuran penerbitan 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Production out-sourcing</i> • Perjalanan dan pengangkutan • Pengaturan urusan mesyuarat • Langganan jurnal • Bayaran persidangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Jika berkenaan • Tidak melebihi 20% daripada jumlah dana yang diluluskan oleh MOSTI • Syarikat yang memohon bajet untuk perkhidmatan khas (perunding untuk kajian dan penilaian pasaran) tidak layak untuk memohon peruntukan di bawah skop kajian dan penilaian pasaran

SKOP	DIBIYAI OLEH MOSTI	TIDAK DIBIYAI OLEH MOSTI	NOTA
G07: Bahan mentah / bahan guna habis yang berkaitan langsung dengan projek	<ul style="list-style-type: none"> Bahan mentah Bahan guna habis (<i>consumable</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> Reka bentuk produk dan pembungkusan Brosur Iklan Reka bentuk dan pembangunan laman web Pelancaran produk Alat tulis seperti kertas, buku, dll 	<ul style="list-style-type: none"> Jika berkenaan Tidak melebihi 20% daripada jumlah dana yang diluluskan oleh MOSTI
G08: Pentadbiran	<p><u>Pemohon daripada Individu/ Pemilikan Tunggal / Perkongsian / Perkongsian Liabiliti Terhadap/Syarikat Pemula (<i>start-up</i>)/ PKS/ GRI/Agensi STI</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Melantik <i>Research Officer</i> (RO) yang terlibat secara langsung dalam projek ini. Kadar elaun RO adalah mengikut kelayakan akademik seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan skop projek dan kadar elaun adalah sebanyak RM3,000. b) Mempunyai Ijazah Sarjana / Ijazah Kedoktoran yang berkaitan dengan skop projek dan kadar elaun adalah sebanyak RM3,200. 	<ul style="list-style-type: none"> Yuran pengurusan Elaun / bonus untuk kakitangan pengurusan dan teknikal Penyewaan pejabat Utiliti seperti telefon, jalur lebar, bil air dan elektrik 	<ul style="list-style-type: none"> Definisi RO: <ul style="list-style-type: none"> a) Individu yang dilantik untuk membantu melaksanakan aktiviti penyelidikan. b) Hendaklah mempunyai kelayakan akademik bersesuaian dengan projek R&D yang dilaksanakan; dan bukan berstatus pekerja di syarikat pemohon. Tidak melebihi 10% daripada jumlah dana yang diluluskan oleh MOSTI

SKOP	DIBIYAI OLEH MOSTI	TIDAK DIBIYAI OLEH MOSTI	NOTA
	<p>Elaun ini termasuk potongan untuk PERKESO / KWSP</p> <p><u>Pemohon daripada IPT dan kolaborator IPT sahaja</u></p> <p>Pemohon daripada IPT dan kolaborator IPT sahaja</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melantik Graduate Research Assistant (GRA) / Research Officer (RO) yang terlibat secara langsung dalam projek ini. • Keutamaan pelantikan RO hanya akan dibenarkan sekiranya pelantikan GRA tidak dapat dilaksanakan. • Kadar elaun adalah seperti berikut: <p>GRA adalah mengikut kelayakan akademik iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM3,200 bagi GRA-PhD • RM3,000 bagi GRA-Sarjana. <p>*Elaun ini termasuk potongan untuk PERKESO / KWSP</p> <p>RO adalah mengikut kelayakan akademik iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM3,200 bagi pemegang Ijazah 		

SKOP	DIBIYAI OLEH MOSTI	TIDAK DIBIYAI OLEH MOSTI	NOTA
	<p>Sarjana/ Ijazah Kedoktoran yang berkaitan dengan skop projek</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM3,000 bagi pemegang Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan dengan skop projek. <p>*Elaun ini termasuk potongan untuk PERKESO / KWSP.</p> <hr/> <p><u>Perbelanjaan Perjalanan dan Pengangkutan Berkaitan Projek</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan untuk perjalanan domestik bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat atau sesi lawatan yang diarahkan oleh MOSTI. • Perjalanan terhadap kepada kelas ekonomi menggunakan laluan langsung terpendek oleh pembekal perkhidmatan penerbangan kecuali dalam keadaan yang mendesak. • Entiti hendaklah memohon kelulusan MOSTI jika tuntutan perjalanan dan pengangkutan selain daripada perkara yang dinyatakan di atas. 		<hr/> <p>Tidak melebihi 10% daripada jumlah dana yang diluluskan oleh MOSTI</p>

SKOP	DIBIYAI OLEH MOSTI	TIDAK DIBIYAI OLEH MOSTI	NOTA
G09: Perolehan Teknologi / IP	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam dan luar negara • Berpotensi untuk dinaik taraf • Perlu menyediakan perjanjian perolehan / perincian teknologi & IP yang diperoleh • Latihan berkaitan pemindahan teknologi dibuat di dalam negara 	-	Tidak melebihi 50% daripada jumlah dana yang diluluskan oleh MOSTI

11.2. Prosedur pembelian peralatan dan perkhidmatan:

- 11.2.1. Penerima dana hendaklah **mengemukakan sebut harga** atau bukti kukuh mengenai sebarang pembelian atau perolehan perkhidmatan seperti khidmat perundingan;
- 11.2.2. Pembelian peralatan atau perolehan perkhidmatan yang bernilai **melebihi RM100,000.00 hendaklah disertakan dengan 3 atau lebih sebut harga** dengan bukti yang kukuh. Kaedah 'pecah kecil' pembelian peralatan atau perolehan perkhidmatan adalah tidak dibenarkan;
- 11.2.3. Semua transaksi kewangan mesti dibuat dengan teratur serta dilampirkan bersama dokumentasi perbelanjaan termasuk inois, pesanan pembelian (PO), pesanan penghantaran (DO), penerimaan, dan lain-lain;
- 11.2.4. Pembelian peralatan atau perolehan perkhidmatan daripada **syarikat/ institusi, anak syarikat atau syarikat bersekutu** adalah tidak dibenarkan;
- 11.2.5. Pesanan/sebut harga pembelian yang dihantar mestilah berdasarkan pada harga pasaran semasa. **Penambahan harga dari harga asal tidak dibenarkan;**
- 11.2.6. Penerima dana **tidak boleh mempunyai konflik berkepentingan** dengan kolaborator dan pembekal bahan penyelidikan, peralatan dan perkhidmatan untuk projek tersebut; dan

11.2.7. Isu yang berkaitan dan tidak termasuk dalam klausa 11.2.3 hingga 11.2.6 perlu dibawa ke Jawatankuasa di peringkat MOSTI untuk pertimbangan dan kelulusan.

12. PENYALURAN KEPADA RAKAN KOLABORASI

12.1. Penerima dana adalah dibenarkan menyalurkan peruntukan kepada rakan kolaborasi tertakluk kepada jenis dana AIF seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 5 dan Jadual 6**.

Jadual 5: Skop pembiayaan dana AIF yang dibenarkan untuk kolaborasi

DANA AIF (TRL 2-7)	
SKOP	NOTA
Loji Perintis / Prototaip	Sehingga 20% daripada kos keseluruhan yang diluluskan oleh MOSTI
Ujian pra-klinikal / ujian klinikal / ujian lapangan / ujian bukan klinikal / ujian tekanan / ujian penerimaan pengguna	
Bahan mentah / bahan guna habis yang berkaitan langsung dengan projek	
Perkhidmatan Iktisas dan Khas	
Teknologi/Perolehan IP *Nota: IP baharu (<i>Foreground IP</i>) perlu dihasilkan daripada teknologi/IP yang diperolehi daripada pembiayaan ini dan dimiliki oleh entiti Malaysia	

Jadual 6: Skop pembiayaan dana AIF PLUS yang dibenarkan untuk kolaborasi


DANA AIF PLUS (BERMULA TRL 7)	
SKOP	NOTA
Loji Perintis / Prototaip	Penyaluran dana kepada kolaborator perlu memenuhi sekurang-kurangnya 2 skop pembiayaan.
Ujian pra-klinikal / ujian klinikal / ujian lapangan / ujian bukan klinikal / ujian tekanan / ujian penerimaan pengguna	
Bahan mentah / bahan guna habis yang berkaitan langsung dengan projek	
Kajian dan Penilaian Pasaran	

Perkhidmatan Khas (Konsultasi, perunding untuk ujian dan penilaian pasaran)	Tiada had untuk penyaluran peruntukan kepada kolaborator
--	--

13. PEMBAYARAN

- 13.1. Kaedah pembayaran bagi penerima dana **adalah secara *disbursement***.
- 13.2. Pembayaran pendahuluan akan diproses setelah MOSTI menerima perjanjian yang dimatikan setem.
- 13.3. Pembayaran seterusnya adalah berdasarkan kepada jadual pembayaran dalam perjanjian. Pembayaran akan disalurkan secara berperingkat berdasarkan pencapaian milestone dan prestasi perbelanjaan projek. Kaedah pembayaran permohonan yang diluluskan adalah seperti di Rajah 4.
- 13.4. Pihak Kerajaan berhak meminda peruntukan yang telah diluluskan dan akan menetapkan nilai pembayaran pertama berdasarkan kos *milestone* pertama dan syor oleh panel penilai.

Rajah 4: Kaedah Pembayaran Permohonan yang Diluluskan



14. PEMANTAUAN PROJEK

- 14.1. Penerima dana dikehendaki mengemukakan laporan berkala berdasarkan pencapaian *milestone* projek (laporan teknikal dan kewangan teraudit) dan dokumen seperti yang dinyatakan dalam perjanjian. Sekiranya projek tersebut menunjukkan ketidakpatuhan terhadap perjanjian dan tidak mematuhi garis masa yang ditetapkan, MOSTI berhak untuk menanggunghkan projek atau menarik semula dana.
- 14.2. Aktiviti pemantauan projek merangkumi mesyuarat (secara fizikal atau atas talian) dan lawatan tapak bagi menilai pencapaian kemajuan projek.
- 14.3. Pembayaran akan dibuat berdasarkan prestasi pencapaian *milestone* projek dan dokumen lengkap seperti terma dan syarat yang telah ditetapkan dalam dokumen perjanjian projek.
- 14.4. Projek hanya boleh dilaksanakan apabila dokumen perjanjian projek ditandatangani oleh kedua-dua pihak dan dimatikan setem. Perbelanjaan yang dibuat sebelum dokumen perjanjian dimatikan setem, tidak boleh dituntut dan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada kos projek.
- 14.5. Penerima Dana dikehendaki mengemukakan Laporan Akhir Projek (EOP) kepada MOSTI dalam masa tiga (3) bulan daripada tarikh tamat projek. Surat Penyempurnaan Projek akan dikeluarkan setelah mendapat pengesahan EOP daripada pihak MOSTI. Semua hasil projek mesti diletakkan nama MOSTI sebagai penyumbang dana. Laporan Akhir Projek hendaklah mengandungi maklumat seperti berikut:
 - 14.5.1. *Deliverables* dan hasil akhir projek;
 - 14.5.2. Pencapaian objektif projek;
 - 14.5.3. Perancangan pengkomersialan / pemindahan teknologi;
 - 14.5.4. Faedah projek;
 - 14.5.5. Impak projek kepada nasional;

14.5.6. Senarai peralatan / kemudahan yang dibeli; dan


14.5.7. Infografik/ video.

14.6. Walaupun projek telah selesai, MOSTI berhak:

- i. Mendapatkan maklumat berkala mengenai kemajuan projek; atau
- ii. Menjemput penerima dana bagi penyampaian seminar; atau
- iii. Menjemput penerima dana untuk mengadakan pameran; atau
- iv. Mengadakan lawatan ke lokasi projek.

14.7. Semua perubahan/variasi projek adalah tertakluk kepada persetujuan bertulis dari MOSTI. Penerima dana perlu mengemukakan permohonan secara bertulis kepada MOSTI sekurang-kurangnya **satu (1) bulan** untuk pertimbangan dan kelulusan sebelum perubahan/variasi dibuat. Aliran kerja proses pemantauan ditunjukkan dalam **Rajah 5**

Rajah 5: Aliran Kerja Proses Pemantauan



15. PEMILIKAN DAN PENGGUNAAN PERALATAN R&D

- 15.1. Semua peralatan yang dibeli di bawah skim dana, hendaklah direkodkan dan di tanda dengan nombor projek bagi tujuan pemantauan dan pengesahan. Peralatan tersebut adalah milik penerima dana dan penyelenggaraan peralatan di bawah tanggungjawab penerima dana setelah projek selesai. Walau bagaimanapun, peralatan tersebut bukan untuk penggunaan penerima dana semata-mata, dan perlu bersedia untuk digunakan oleh organisasi penyelidikan lain apabila diperlukan.
- 15.2. Pemohon hendaklah memaparkan papan tanda/ signage projek. Papan tanda/ *signage* tersebut perlu mengandungi maklumat berikut:
 - Logo Kementerian
 - Entiti
 - No Rujukan Projek
 - Tajuk Projek
- 15.3. Peralatan yang dibeli perlu direkodkan dalam sistem repositori Kerajaan iaitu *National Scientific Facilities & Equipment* (NSFE) dan dikemaskini maklumat peralatan sehingga Tarikh Luput Perjanjian bagi tujuan rekod sahaja.
- 15.4. Peralatan yang dibeli menggunakan dana ini tidak boleh dijual dan dipindahkan dalam masa dua (2) tahun setelah projek selesai.

16. HARTA INTELEK (IP)

- 16.1. Produk akhir yang dibangunkan di bawah AIF, digalakkan untuk didaftarkan di bawah undang-undang dan pemilikan Harta Intelek (jika perlu).
- 16.2. Penerima dana hendaklah memaklumkan Kerajaan secara bertulis melalui surat rasmi atau e-mel, tentang kewujudan Harta Intelek Projek tidak lewat dari enam puluh (60) hari dari Tarikh Penyempurnaan Projek.
- 16.3. Penerima dana hendaklah mendapatkan kelulusan Kerajaan sebelum meneruskan sebarang aktiviti pelesenan dan pengkomersialan sebelum Tarikh Tamat Perjanjian.
- 16.4. Penerima dana boleh memohon daripada Kerajaan untuk mendapatkan hak milik Harta Intelek Projek di mana Kerajaan mempunyai budi bicara sepenuhnya untuk mempertimbangkan permohonan daripada penerima dana.

- 16.5. MOSTI berhak untuk mengambil semula Harta Intelek yang telah diperolehi sekiranya didapati penerima dana gagal membangunkan atau meningkatkan teknologi yang dibangunkan sebelum ini selepas 12 bulan hingga 24 bulan daripada tarikh penyempurnaan projek. Ini bagi memastikan teknologi serta produk yang dibangunkan mencapai ke arah pengkomersialan.

17. INSENTIF HARTA INTELEK

- 17.1. Pemohon boleh memohon insentif berikut setelah projek selesai, dengan syarat peruntukan untuk insentif dinyatakan semasa permohonan dana:

- 17.1.1. Insentif untuk pendedahan Harta Intelek Projek: RM500.00;
- 17.1.2. Insentif untuk pemfailan paten Harta Intelek Projek: RM5,000.00; dan
- 17.1.3. Insentif untuk pemberian paten Harta Intelek Projek: RM10,000.00.

Pembayaran insentif ini dibuat secara sekali (*one-off*).

- 17.2. MOSTI akan menyalurkan pembayaran bagi:

- 17.2.1. Insentif untuk pendedahan Harta Intelek Projek apabila menerima bukti pendedahan Harta Intelek Projek;
- 17.2.2. Insentif untuk memfailkan paten Harta Intelek Projek apabila menerima bukti pemfailan paten Harta Intelek Projek; dan
- 17.2.3. Insentif pemberian hak milik harta intelek projek apabila menerima bukti paten yang diberikan Harta Intelek Projek.

18. PENAMATAN

- 18.1. MOSTI berhak menarik balik dana sekiranya berlaku perkara berikut:

- 18.1.1. Sebarang maklumat palsu yang diberikan oleh penerima dana;
- 18.1.2. Perubahan skop projek tanpa persetujuan bertulis MOSTI
- 18.1.3. Perubahan Ketua Projek tanpa kebenaran bertulis MOSTI;
- 18.1.4. Sebarang penyalahgunaan dana;

- 18.1.5. Pencapaian / kemajuan projek tidak seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian; dan
- 18.1.6. Sebarang pelanggaran klausa dalam Perjanjian.
- 18.2. Jika projek ditamatkan oleh MOSTI, penerima dana hendaklah membayar balik jumlah dana yang telah disalurkan.
- 18.3. MOSTI berhak, pada bila-bila masa, untuk mengkaji, menggantung atau menarik balik kelulusan apa-apa dana atau pembayaran sekiranya langkah-langkah tersebut dianggap perlu; dan
- 18.4. MOSTI berhak untuk membuat tuntutan terhadap penerima dana atas segala kerugian yang timbul akibat sebarang kegagalan pihak penerima dana seperti yang dinyatakan dalam perjanjian.

19. PENYATA PERBELANJAAN DAN DANA YANG TIDAK DIBELANJAKAN

- 19.1. MOSTI berhak meminta penerima dana untuk menyerahkan penyata perbelanjaan pada bila-bila masa semasa tempoh projek atau untuk memberikan maklumat tambahan bagi menyokong perbelanjaan interim atau akhir.
- 19.2. Penerima dana hendaklah mengembalikan jumlah dana yang tidak dibelanjakan kepada MOSTI dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh penyempurnaan projek. Bagi projek yang ditamatkan, penerima dana perlu mengembalikan jumlah dana yang telah disalurkan, kepada MOSTI dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh notis penamatan.

20. MALAYSIAN CODE OF RESPONSIBLE CONDUCT IN RESEARCH

Semua yang terlibat dalam pelaksanaan projek perlu mematuhi tatacara dan amalan yang termaktub dalam *Malaysian Code of Responsible Conduct in Research*.

21. KELULUSAN ETIKA, INSTITUTIONAL BIOSAFETY COMMITTEE (IBC) KELULUSAN / PEMBERITAHUAN DAN PEMATUHAN KEPADA PERATURAN-PERATURAN BERKAITAN LAIN

- 21.1. Ketua Projek hendaklah mendapatkan kelulusan dan memberikan salinan daripada pihak berkuasa yang berkaitan jika diperlukan.

- 21.2. Bagi projek yang memerlukan ujian terhadap manusia atau haiwan, Ketua Projek hendaklah mendapatkan kelulusan etika (ethical clearance) dan mengemukakan salinan daripada pihak berkuasa yang berkaitan.
- 21.3. Bagi projek yang melibatkan organisma hidup terubah suai (living modified organisms, LMOs), Ketua Projek hendaklah mendapatkan kelulusan oleh Jawatankuasa Keinstitusian Biokeselamatan/ berkaitan dan mengemukakan salinan permohonan untuk kelulusan Lembaga Biokeselamatan Negara.
- 21.4. Maklumat mengenai penggunaan sumber biologi dan pengetahuan tradisional (biological and associated traditional knowledge) hendaklah dilengkapi dengan mengisi borang di Lampiran 5.

22. PEMBIAYAAN LAIN OLEH MOSTI

- 22.1. MOSTI juga menawarkan pelbagai bentuk program pembiayaan/ pelaburan seperti di **Lampiran 6**

Lampiran 1

TAHAP KESEDIAAN TEKNOLOGI

TAHAP TRL	PENERANGAN	CIRI-CIRI
TRL 1	<i>Basic Principle</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Technology research</i> • <i>Pure science begins translation to R&D</i>
TRL 2	<i>Formulation of Concept</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Early studies for application formulation</i> • <i>Invention & Practical Application Begins</i>
TRL 3	<i>Experimental Proof of Concept</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Analytical validation & proof of concept</i> • <i>Start active research & development</i>
TRL 4	<i>Lab validation</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Validation in laboratory environment</i> • <i>Ready to begin bridge for technology transition</i>
TRL 5	<i>Validation in real environment</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Validation in relevant environment</i> • <i>Ready to enter technology development</i>
TRL 6	<i>Demonstration in real environment</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Demonstrated in relevant environment</i> • <i>Ready to enter system development</i>
TRL 7	<i>Demonstration of prototype</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Demonstrated in operational environment</i> • <i>Ready for limited production decision</i>
TRL 8	<i>Product/System complete and qualified</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Compliant, qualified & test/demo complete</i> • <i>Ready for operational evaluation</i>
TRL 9	<i>Product/System proven</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Completed operational evaluation</i> • <i>Ready for full-rate</i>

Lampiran 2

BIDANG KEUTAMAAN DANA *APPLIED INNOVATION*

PEMACU SOSIOEKONOMI	BIDANG KEUTAMAAN
Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahan Termaju untuk Ekonomi Kitaran dan Masyarakat Lestari • Kilang Pintar Generasi Baharu • Pembuatan Peranti Pintar dan Pembangunan Teknologi
Perubatan dan Penjagaan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Kesihatan Digital • Perubatan Jitu • Hab Ujian Klinikal bagi Negara Membangun
Pertanian dan Perhutanan;	<ul style="list-style-type: none"> • Makanan Laut Nilai Tinggi • Makanan Halal Premium • Input Pertanian Tempatan • Pengurusan Rantaian Bekalan Pintar untuk Kelestarian Produk Hutan
Air dan Makanan	<ul style="list-style-type: none"> • Buah-buahan Tropika Premium • Makanan Unggul ("<i>Superfood</i>") Tempatan • Pengurusan Bersepadu Sumber Air
Bandar Pintar dan Pengangkutan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Bersepadu Infrastruktur dan Infostruktur Bandar • Sistem Pintar untuk Komuniti Bandar – Luar Bandar Terhubung • Reka Bentuk dan Analisis Berpaksikan Manusia
Tenaga	<ul style="list-style-type: none"> • Kepelbagaian Tenaga Boleh Diperbaharui • Sistem Penyimpanan Tenaga • Grid Mikro
Alam Sekitar dan Biodiversiti;	<ul style="list-style-type: none"> • Biodiversiti Jitu • Produk Eko-Inovatif daripada Bahan Buangan
Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan;	<ul style="list-style-type: none"> • Model Perniagaan Langgan dan Platform Perkongsian • Perkhidmatan Berdigital & Berautonomi • Teknologi Kewangan dan Kewangan Islam
Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelajaran Berasaskan Pengalaman dan Penyesuaian Peribadi • Pensijilan Mikro • Pembelajaran Dalam Talian Global: Mempromosikan Kandungan Tempatan

PEMACU SOSIOEKONOMI	BIDANG KEUTAMAAN
Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	<ul style="list-style-type: none">• Kandungan Kreatif dan Warisan• Pelancongan Digital• Pelancongan Nilai Tinggi

Lampiran 3

**SENARAI KEPAKARAN JABATAN DAN AGENSI MOSTI SEBAGAI
KOLABORATOR DI DALAM AIF PLUS**

AGENSI	TERAS	BIDANG KEPAKARAN
Agensi Angkasa Malaysia	Sains Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Sains Atmosfera • Isu dan Penilaian Alam Sekitar • Pengurusan Alam Sekitar dan Bioremediasi
	Sains Marin	<ul style="list-style-type: none"> • Oseanografi • Pengurusan Zon Pantai
	Teknologi dan Kejuruteraan	<ul style="list-style-type: none"> • Sains Angkasa dan Kejuruteraan Angkasa
	Sains Gunaan dan Teknologi	<ul style="list-style-type: none"> • Perancangan Bandar • Sistem Maklumat Geografi • Pengetahuan dalam Sains Gunaan dan Teknologi (termasuk Aeroangkasa, Nanoteknologi, Gelombang Mikro)
	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem Maklumat Geografi (GIS) (termasuk Data dan Model Digital, Maklumat alam sekitar, Maklumat Nilai Tanah, Peta, Pengukuran Tepat, Pangkalan Data Spatial, Maklumat Strategik dan Sistem Penentududukan Global (GPS) • Pengurusan Data • Teknologi Pangkalan Data • Aplikasi ICT
	Sains Kesihatan dan Perubatan	<ul style="list-style-type: none"> • Kesihatan Awam • Penyakit Bawaan Vektor
	Sains dan Teknologi Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem dan Teknologi Maklumat Pengeluaran Tanaman dan Pertanian • Sains Perikanan • Akuakultur • Pertanian Tepat
	Sains dan Teknologi Perhutanan	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem dan Teknologi Maklumat Perhutanan • Biodiversiti dan Pemuliharaan • Pengurusan Hutan

AGENSI	TERAS	BIDANG KEPAKARAN
	Sains Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem Maklumat Geografi (GIS) • Penderiaan Jauh
	Ekonomi, Perniagaan dan Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengauditan (Termasuk Audit Sosial, Audit Forensik dan Audit Alam Sekitar)
Agensi Nuklear Malaysia	Teknologi Nuklear	<ul style="list-style-type: none"> • Teknologi Reaktor • Kejuruteraan Reaktor Nuklear
		<ul style="list-style-type: none"> • Keselamatan dan Kawalan • Sinaran Keselamatan Sinaran dan Sekuriti Nuklear • Metrologi, Dosimetri dan Fizik Perubatan (termasuk NIR)
		<ul style="list-style-type: none"> • Ujian Tanpa Musnah (Non Destructive Technique) • Ujian Tanpa Musnah Teknik Nuklear (Nuclear Technique Non Destructive Testing)
		<ul style="list-style-type: none"> • Teknologi Akselerator (Accelerator Technology) • Kejuruteraan dan Teknologi Akselerator
		<ul style="list-style-type: none"> • Teknologi Nuklear Lain (Agro-Nuklear) Other Nuclear Technology n.e.c.) • Pembaikbakaan, Penyurih dan Bioindustri Sinaran
	Kejuruteraan Nuklear Keselamatan Nuklear dan Sinaran (<i>Nuclear and Radiation Safety</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahan Api dan Struktur Bahan Reaktor: (Fuel and Structural Materials) • Teknologi Bahan Industri Nuklear
		<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran Isotop (Isotope Production) • Pengeluaran Radioisotop dan Kit Radiofarmaseutikal
		<ul style="list-style-type: none"> • Pemprosesan Sinaran (Radiation Processing) • Teknologi Pemprosesan, Sintesis dan Rawatan Sinaran

AGENSI	TERAS	BIDANG KEPAKARAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Kejuruteraan Nuklear Lain (Instrumentasi) (Other Nuclear Engineering n.e.c.) • Instrumentasi Nuklear
Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM)	<i>Bioinformatics</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Sisa (Waste Management) • Pengurusan Sisa Radioaktif (Radioactive Waste Management) • Keselamatan Radiologi Alam Sekitar dan Forensik Nuklear
	<i>Bioinformatics Tools, Platforms and Technologies</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Data Acquisition, Management and Processing for Bioinformatics • Data Mining for Bioinformatics • Digital Atlases of Organisms • DNA Digital Data Storage
	<i>Medical Biotechnology</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Biomedical Vaccines Technology: • Egg-based vaccine • Microbial-based vaccine • Adenovirus vaccine • mRNA vaccine • Protein subunit • Precision medicine
	<i>Molecular Biology</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Proteomics in Biotechnology Including Peptides • Molecular and Structural Biology
	<i>Food Biotechnology</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Food Bioprocessing • Functional Food Biotechnology • Alternative protein source • Halal
	<i>Animal Biotechnology</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Animal Diseases, Prevention, Diagnostic and Management • Animal Feed and Nutrition Technology • Animal Disease (zoonotic & non-zoonotic) prevention and control • Antimicrobial resistance
<i>Plant Biotechnology</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Tissue Culture • Smart Farming Technology 	

AGENSI	TERAS	BIDANG KEPAKARAN
	<i>Pharmacy Pharmaceutical Sciences</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Drug Discovery and Design (Including Optimum Drug Design) • Cytotoxicology • Drug Analysis (Including Drug Interaction, Adverse Drug Reaction, Bioequivalence)
	<i>Chemistry Organic Chemistry</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Natural Products Chemistry (Including Drug Intermediates from Indigenous Sources)
	<i>Specialist Topics in Medical and Health Sciences Traditional and Complementary Medicine</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Quality and Safety in Traditional and Complementary Medicine • Toxicology in Traditional and Complementary Medicine • Development of Traditional and Herbal Medicine (Including Traditional Medicine and Natural Product)
	<i>Marine, Fisheries and Aquaculture Technology</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Aquaculture System including Recirculating Aquaculture System • Innovative hatchery technology • High value aquaculture product

Lampiran 4

SENARAI DOKUMEN

I. INDIVIDU

Individu		Jenis Dokumen	Mod Penghantaran	Pemohon	Kolaborator (jika berkenaan)
1	Akuan Berkanun	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
2	Kad pengenalan (Salinan diperakui oleh pesuruhjaya sumpah atau pegawai kerajaan gred 41 dan ke atas)	Salinan digital	Muat naik dalam sistem SDB	√	√
3	Surat sokongan dari pengadil	Salinan digital	Muat naik dalam sistem SDB	√	√
4	<i>Curriculum Vitae</i> terperinci pasukan projek	Salinan digital	Muat naik dalam sistem SDB	√	√
5	Perjanjian Kontrak / Surat Setuju Terima atau setara antara Entiti dan Kolaborator	Salinan digital	Muat naik dalam sistem SDB	√	
6	Perjanjian Kontrak / Surat Setuju Terima antara Entiti dan Perunding	Salinan digital	Muat naik dalam sistem SDB	√	
7	Pencarian Insolvensi (syarikat dan semua ahli dalam pasukan projek)	Salinan digital	Muat naik dalam sistem SDB	√	√
8	Kelulusan etika / Kelulusan IBC atau pemberitahuan (jika berkenaan)	Salinan digital	Muat naik dalam sistem SDB	√	
9	Satu sebut harga untuk setiap peralatan yang disenaraikan untuk dibeli	Salinan digital	Muat naik dalam sistem SDB	√	
10	Penyata Bank tiga (3) bulan terkini	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
11	Surat kebenaran Ketua Jabatan (Jika ahli projek adalah daripada institusi yang berlainan) – Sekiranya berkenaan	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√

**PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA/ SYARIKAT PEMULA/ PEMILIKAN
TUNGGAL/ PERKONGSIAN/ PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD**

Perusahaan Kecil Dan Sederhana/ Syarikat Pemula/ Pemilikan Tunggal/ Perkongsian/ Perkongsian Liabiliti Terhad		Jenis Dokumen	Mod Penghantaran	Pemohon	Kolaborator (jika berkenaan)
1	Akuan Berkanun	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
2	Carian SSM Terkini (Maklumat Korporat daripada Portal MyDATA)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
3	Permit bekerja bagi ahli projek bukan warganegara/ surat pelantikan	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
4	Laporan Kewangan Teraudit Terkini (perolehan tahunan, penyata keuntungan dan kerugian, aliran tunai dan lain-lain)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
5	Perjanjian kontrak/ Surat Setuju Terima (LoA) atau setara antara Entiti dan Kolaborator (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	

6	Surat kebenaran daripada ketua jabatan untuk menjadi ahli projek (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB		√
7	Perjanjian kontrak/ Surat Setuju Terima (LoA) antara Entiti dan Perunding (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
8	Borang Pengesahan Ketua Projek	Salinan Digital	Muat naik sistem SDB	√	
9	<i>Resume</i> ahli projek dan rakan kerjasama	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
10	Perjanjian Pemindahan Teknologi/ harta intelek (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
11	Penyata KWSP Syarikat (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
12	Carian Insolvensi (syarikat dan ahli projek)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
13	Kelulusan etika/ Kelulusan atau pemakluman IBC (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
14	Satu sebut harga bagi setiap peralatan dan perkhidmatan yang disenaraikan untuk dibeli	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	

15	Dokumen berkaitan dengan kelulusan penggunaan tanah (<i>in kind</i>) atau perkara berkaitan	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
----	---	-----------------	----------------------	---	--

II. KOPERASI BERDAFTAR

	Koperasi Berdaftar	Jenis Dokumen	Mod Penghantaran	Pemohon	Kolaborator (jika berkenaan)
1	Akuan Berkanun	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
2	Perakuan Pendaftaran (Akta Koperasi 1993) (Salinan diperakui oleh pesuruhjaya sumpah)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
3	Surat pengesahan dari koperasi utama sekiranya permohonan itu dari cawangannya	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
4	Minit Mesyuarat Agung Tahunan Terkini (AGM)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
5	<i>Curriculum Vitae</i> terperinci pasukan projek	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
6	Perjanjian Kontrak / Surat Setuju Terima atau setara antara Entiti dan Kolaborator	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
7	Perjanjian Kontrak / Surat Setuju Terima antara Entiti dan Perunding	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
8	Borang Pengesahan Ketua Projek	Salinan Digital	Muat naik sistem SDB	√	
9	Pencarian Insolvensi (syarikat dan semua ahli dalam pasukan projek)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
10	Kelulusan etika / Kelulusan IBC atau pemberitahuan (jika berkenaan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
11	Satu sebut harga untuk setiap peralatan yang disenaraikan untuk dibeli	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
12	Laporan Kewangan Teraudit Terkini	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√

Koperasi Berdaftar		Jenis Dokumen	Mod Penghantaran	Pemohon	Kolaborator (jika berkenaan)
	(perolehan tahunan, penyata keuntungan dan kerugian, aliran tunai dan lain-lain)				
13	Surat kebenaran Ketua Jabatan (Jika ahli projek adalah daripada institusi yang berlainan) – Sekiranya berkenaan	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√

III. PERSATUAN BERDAFTAR

Persatuan Berdaftar		Jenis Dokumen	Mod Penghantaran	Pemohon	Kolaborator (jika berkenaan)
1	Akuan Berkanun	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
2	Borang 3 Akta Persatuan 1966 (Salinan diperakui oleh pesuruhjaya sumpah)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
3	Surat pengesahan dari persatuan utama sekiranya permohonan dari cawangannya	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
4	Minit Mesyuarat Agung Tahunan Terkini (AGM)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
5	<i>Curriculum Vitae</i> terperinci pasukan projek	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
6	Perjanjian Kontrak / Surat Setuju Terima atau setara antara Entiti dan Kolaborator	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
7	Perjanjian Kontrak / Surat Setuju Terima antara Entiti dan Perunding	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
8.	Borang Pengesahan Ketua Projek	Salinan Digital	Muat naik sistem SDB	√	
9	Pencarian Insolvensi (syarikat dan semua ahli dalam pasukan projek)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
10	Kelulusan etika / Kelulusan IBC atau pemberitahuan (jika berkenaan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
11	Satu sebut harga untuk setiap peralatan yang disenaraikan untuk dibeli	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
12	Laporan Kewangan Teraudit Terkini (perolehan tahunan, penyata keuntungan dan kerugian, aliran tunai dan lain-lain)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
13	Surat kebenaran Ketua Jabatan (Jika ahli projek adalah daripada institusi yang berlainan) – Sekiranya berkenaan	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√

**IV. INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN SWASTA/ AGENSI STI/
INSTITUT PENYELIDIKAN KERAJAAN**

Agensi STI/ Institut Penyelidikan Kerajaan/ Institut Pengajian Tinggi		Jenis Dokumen	Mod Penghantaran	Pemohon	Rakan kerjasama (jika berkenaan)
1	Akuan Berkanun	Salinan digital & Salinan bercetak	Muat naik sistem SDB & dikemukakan semasa Sesi Penilaian	√	
2	Borang Pengesahan Ketua Projek	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
3	<i>Resume</i> ahli projek dan rakan kerjasama	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
4	Perjanjian kontrak/ Surat Setuju Terima (LoA) atau setara antara Entiti dan Kolaborator (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
5	Surat kebenaran daripada ketua jabatan untuk menjadi ahli projek (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
6	Perjanjian kontrak/ Surat Setuju Terima (LoA) antara Pemohon dan Perunding (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
7	Perjanjian Pemindahan Teknologi/ harta intelek (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
8	Carian Insolvensi (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
9	Kelulusan etika/ Kelulusan atau pemakluman IBC (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
10	Satu sebut harga bagi setiap peralatan dan perkhidmatan yang disenaraikan untuk dibeli	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	

Lampiran 5

MAKLUMAT PENGGUNAAN SUMBER BIOLOGI DAN PENGETAHUAN TRADISIONAL BERSAMA (JIKA BERKAITAN)

1. Adakah sumber biologi atau pengetahuan tradisional yang berkaitan dengan sumber biologi atau maklumat yang berkaitan dengannya digunakan dalam penemuan ini.

Ya Tidak

2. Sekiranya ya, berikan butiran:
- i. Negara :
 - ii. Negeri :
 - iii. Tarikh kebenaran:
 - iv. Tarikh Perjanjian perkongsian faedah:

Salinan permit disertakan bersama borang ini.

3. Tarikh pemberitahuan permohonan ini untuk paten kepada Pihak Berkuasa Kompeten Nasional di bawah Akta Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017.

Salinan bukti penerimaan pemberitahuan disertakan bersama borang ini.

Lampiran 6

MAKLUMAT AGENSI PEMBIAYA DI BAWAH MOSTI

Bil.	Nama Agensi	Instrumen Pembiayaan	Portal Permohonan	Fungsi
1.	Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV)	Pinjaman	https://www.mdv.com.my	Menawarkan pinjaman konvensional dan teroka (<i>venture debt</i>) kepada syarikat teknologi tempatan. Bidang fokus utama MDV adalah Teknologi Hijau, Bioteknologi, Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT), Tenaga Boleh Baharu dan <i>Emerging Technology</i> .
2.	Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP)	Ekuiti	https://www.mavcap.com	Menyediakan kemudahan pembiayaan modal teroka (ekuiti) melalui mekanisme <i>Fund of Funds</i> (FoF) kepada syarikat <i>startup</i> daripada peringkat permulaan sehingga peringkat matang dalam bidang teknologi ICT, Teknologi Hijau, <i>Deep Technology</i> dan <i>Financial Technology</i> .
3.	Kumpulan Modal Perdana (KMP)	Ekuiti	https://www.modalperdana.com	Menyediakan kemudahan pembiayaan modal teroka/pelaburan langsung (ekuiti) dalam bidang Elektrik dan Elektronik (E&E) dan sektor Tenaga Boleh Diperbaharui/Tenaga Hijau kepada syarikat-syarikat <i>startup</i> yang berpotensi dari dalam dan luar negara.
4.	Cradle Fund Sdn Bhd (CRADLE)	Geran	https://www.cradle.com.my	Menyediakan pembiayaan dalam bentuk geran kepada syarikat <i>startup</i> teknologi tempatan di peringkat permulaan (<i>pre-seed</i> dan <i>seed</i>) dalam bidang <i>deep tech</i> dan <i>non deep tech</i> .
5.	Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)	Hibrid (Geran + Pinjaman Boleh Ubah (CPN))	https://www.mtdc.com.my	Menyediakan kemudahan pembiayaan dalam bentuk hibrid yang merangkumi geran dan <i>Convertible Promissory Note (CPN)</i> kepada syarikat <i>startup</i> atau SME berasaskan teknologi.